

# BAB 1

## PENGENALAN

### Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN Ke-3) menetapkan rangka kerja perancangan dan pembangunan spatial untuk diterjemahkan kepada strategi dan tindakan perancangan di peringkat negara, negeri dan tempatan

Rancangan Fizikal Negara (RFN) merupakan dokumen perancangan tertinggi dalam rangka kerja perancangan pembangunan fizikal negara. Ianya mengandungi perancangan fizikal yang menterjemah dasar-dasar strategik dan sektoral negara dalam konteks dimensi spatial dan fizikal. Fungsi RFN adalah untuk:

1. Menterjemah dasar sektoral meliputi dasar-dasar sosio-ekonomi, pemuliharaan, perubahan iklim dan pengurusan sumber dalam bentuk spatial;
2. Menyediakan rangka kerja spatial bagi perancangan di peringkat wilayah, negeri dan tempatan yang menjadi rujukan utama bagi mana-mana perancangan;
3. Menyediakan pelan perancangan fizikal bagi pelaksanaan strategi pembangunan mampan;
4. Memandu tindakan-tindakan agensi pelaksana sektoral ke arah menyokong rangka kerja spatial negara; dan
5. Mengenal pasti program dan tindakan utama untuk menambah baik perancangan spatial negara.

RFN telah melalui dua (2) fasa kajian semula sebagaimana yang diperuntukan di bawah Seksyen 6B, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). RFN pertama disediakan pada tahun 2005. Kajian semula RFN pertama ini telah dilaksanakan melalui penyediaan RFN Ke-2 pada tahun 2010 dengan fokus ke arah negara berpendapatan tinggi. Kedua-dua RFN telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri dan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN). RFN Ke-2 telah dikaji semula sekali lagi pada tahun 2015 dan dikenali sebagai RFN Ke-3 dengan penambahbaikan dan penstrukturan semula dokumen perancangan spatial negara. RFN Ke-3 telah diluluskan oleh MPFN Ke-25 (Bil.1/2016) pada 21 Julai 2016.


Rajah 1.1 Fasa Kajian Semula dan Tempoh Pelaksanaan Dokumen RFN



## RANGKA PERANCANGAN PEMBANGUNAN NEGARA

Pembangunan di Semenanjung Malaysia dilaksanakan pada tiga (3) peringkat perancangan. Di peringkat tertinggi, perancangan strategik pembangunan negara adalah berpandukan kepada Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT), RFN dan dasar-dasar sektoral yang diluluskan oleh Jemaah Menteri. Dasar-dasar strategik dan rangka kerja keseluruhan perancangan negara disediakan untuk menentukan hala tuju rancangan pembangunan di peringkat wilayah / negeri dan tempatan. Di peringkat negeri, perancangan pembangunan adalah berpandukan kepada Rancangan Struktur Negeri (RSN) dan dasar-dasar sektoral yang dirumuskan oleh kerajaan negeri masing-masing dengan mengambil kira dasar-dasar strategik RFN. Di peringkat tempatan pula, perancangan pembangunan dilaksanakan dan dikawal dengan rancangan pemajuan seperti Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK) yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT). Rancangan pemajuan memfokuskan kepada pembangunan spatial kawasan-kawasan PBPT dan keperluan masyarakat tempatan.

Rajah 1.2 Rangka Kerja Perancangan Pembangunan Negara




## PELAKSANAAN RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KE-2

RFN pertama memfokuskan ke arah negara maju menjelang tahun 2020, manakala RFN Ke-2 mengekalkan fokus dan memberi penambahan fokus iaitu negara berpendapatan tinggi. Kedua-dua RFN menetapkan tahun 2020 sebagai penanda aras tempoh pelaksanaan dan pencapaian selaras dengan Wawasan 2020 yang merupakan visi nasional dalam membangunkan negara.

RFN Ke-2 bermatlamat untuk *Membentuk Satu Rangka Spatial Negara yang Efisien, Saksama dan Mampun untuk Memandu Pembangunan Keseluruhan Negara ke Arah Mencapai Tahap Negara Maju dan Berpendapatan Tinggi Menjelang Tahun 2020*. Sebanyak 41 dasar telah dirumus bagi mencapai matlamat ini melalui lapan (8) Tema Utama yang meliputi pembentukan rangka kerja spatial negara, peningkatan daya saing ekonomi negara, pemuliharaan sumber pertanian dan pembangunan luar bandar, pembangunan pelancongan mampan, pengurusan petempatan manusia, pemuliharaan sumber asli, biodiversiti dan alam sekitar, penyepaduan rangkaian pengangkutan bandar dan negara serta penyediaan infrastruktur bersesuaian.

RFN Ke-2 menekankan pembangunan koridor bertumpu untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan bagi mengurangkan ketidakseimbangan wilayah iaitu; Wilayah Utara, Wilayah Tengah, Wilayah Selatan dan Wilayah Timur dengan tumpuan pembangunan diberikan kepada empat (4) konurbasi iaitu konurbasi Kuala Lumpur, George Town, Johor Bahru dan Kuantan. Wilayah kemajuan ekonomi diperkenalkan dengan wujudnya Wilayah Ekonomi Koridor Utara (*Northern Region Economic Corridor- NCER*), Wilayah Ekonomi Pantai Timur (*East Coast Economic Region- ECER*) dan Iskandar Malaysia. Penubuhan agensi khas bagi setiap wilayah ekonomi (kecuali bagi Kuala Lumpur) untuk memandu dan menyelaras strategi pembangunan wilayah telah mengubah fokus pembangunan yang disasarkan ke arah meningkatkan jumlah pelaburan dan peluang pekerjaan di setiap wilayah ekonomi. Penekanan kepada pembangunan dalam konurbasi juga telah mendorong Pihak Berkuasa Negeri mewujudkan konurbasi kecil dalam usaha mengimbangi pembangunan di peringkat negeri. Penyelarasan semula di peringkat nasional adalah perlu bagi memastikan kawasan-kawasan fokus ini saling melengkapi selaras dengan strategi RFN Ke-2 agar bandar berskala besar, sederhana dan kecil memainkan peranan tertentu mengikut hierarki bandar yang telah ditetapkan.

**Rajah 1.3** Konurbasi Sepertimana RFN Ke-2 dan Wilayah Ekonomi



Cadangan rel berkelajuan tinggi menghubungkan Kuala Lumpur dan Singapura yang diperkenalkan oleh RFN Ke-2 merupakan antara dasar yang kini sedang dikaji dengan lebih terperinci oleh Kerajaan Persekutuan untuk pelaksanaan.

Dasar pewujudan dan pengukuhan *Central Forest Spine (CFS)* menunjukkan komitmen RFN Ke-2 untuk melindungi, memelihara dan memulihara aset-aset semula jadi negara. Kawasan hutan merupakan habitat semula jadi bagi spesis-spesis tumbuhan dan hidupan liar yang unik kepada negara dan rantau ini bagi membentuk rangkaian ekologi bersepadu. Di samping itu, Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) yang mula diperkenalkan dalam RFN pertama telah diperkukuhkan dalam RFN Ke-2. Ia menjadi antara komponen utama pemeliharaan alam sekitar di peringkat dasar, strategi pelaksanaan dan kawalan pembangunan guna tanah dalam usaha mewujudkan keseimbangan di antara arus pembangunan dan pemuliharaan.


Pencapaian dan kekangan pelaksanaan dasar telah diambil kira dalam kajian semula RFN Ke-2 bagi menentukan sama ada dasar sedia ada perlu diteruskan atau ditambah baik. Pencapaian pelaksanaan RFN Ke-2 diukur melalui 108

indikator prestasi di mana 49 indikator telah diguna pakai dan 10 indikator prestasi baharu telah diperkenalkan di dalam proses pemantauan pelaksanaan dasar-dasar. Terdapat 59 indikator asal RFN Ke-2 yang tidak diguna pakai berikutan kekangan data dan maklumat bagi pihak agensi memantau atau agensi melaksana.

Maklum balas agensi pelaksana yang terdiri daripada agensi peringkat Persekutuan dan Negeri menekankan kepada keperluan penterjemahan spatial dan tindakan pelaksanaan yang lebih jelas daripada penyataan-penyataan RFN bagi memastikan pelaksanaan yang lebih berkesan. Di samping itu, terdapat pertindihan dalam beberapa dasar serta percanggahan di antara dasar persekutuan dan negeri yang telah dikenal pasti memerlukan penyelarasan bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan.


Pencapaian pelaksanaan 41 dasar RFN Ke-2 secara keseluruhannya pada tahun 2014 merumuskan; 25 dasar (61%) telah dilaksanakan, 14 dasar (34.1%) sedang dilaksanakan manakala dua (2) dasar (4.9%) berada di dalam kategori peringkat perancangan.

**Rajah 1.4** Pencapaian Pelaksanaan Dasar dan Indikator Prestasi



Kedua-dua dasar ini iaitu Dasar RFN7 yang berkait dengan pemuliharaan dan pewartaan kawasan jelapang padi, serta Dasar RFN31 berkenaan pembangunan lapangan terbang dan pelabuhan utama. Kekangan pelaksanaan kedua-dua dasar ini dilihat di dalam konteks ketiadaan peruntukan khas berkaitan pewartaan kawasan jelapang padi serta Pelan Induk Pelabuhan Negara yang sedang disediakan.

**Rajah 1.5** Pencapaian Pelaksanaan Dasar-dasar RFN Ke-2




## MATLAMAT KAJIAN SEMULA RANCANGAN FIZIKAL NEGARA

Seksyen 6B (4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) memperuntukkan supaya kajian semula RFN dijalankan setiap lima (5) tahun seiring dengan kajian semula Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negara atau, jika dan apabila diarah oleh MPFN. Kajian semula RFN bertujuan untuk:

1. Mengambil kira dan menterjemah dasar-dasar Kerajaan Persekutuan dalam konteks spatial;
2. Menterjemah matlamat dan prinsip pembangunan global dalam konteks pembangunan negara;
3. Menyelaraskan arah tuju pembangunan negeri dengan agar selari dengan arah tuju pembangunan negara; dan
4. Memastikan RFN dapat dilaksanakan di pelbagai peringkat pelaksana.

Bagi memastikan pencapaian berkesan, kemajuan spatial negara diselaraskan dengan beberapa komitmen di peringkat negara dan peringkat global yang telah ditetapkan dalam usaha menentukan arah tuju pembangunan negara. Komitmen negara diambil kira melalui Program Transformasi Kerajaan, bidang-bidang ekonomi di bawah Program Transformasi Ekonomi, teras-teras strategik di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 serta melalui dasar-dasar sektoral dan pelan induk pelaksanaan yang berkaitan.

Rajah 1.6 Komitmen Negara dan Komitmen Global



Komitmen di peringkat global pula diambil kira dalam konteks *Sustainable Development Goals (SDGs)* oleh *United Nations (UN)* yang merupakan agenda pembangunan jangka panjang sehingga tahun 2030. Ia berpaksikan kepada matlamat untuk memelihara keperluan asas global, hak asasi manusia dan mengukuhkan keamanan sejagat. Semua negara dan pihak berkepentingan akan bertindak dalam mengintegrasikan sasaran global ini, termasuklah perancangan strategik RFN Ke-3 yang berbentuk holistik dan jangka panjang. Walaupun sasaran SDGs tidak tertakluk dari sudut undang-undang, kerajaan perlu mengambil inisiatif untuk mewujudkan rangka pembangunan negara yang menyokong pencapaian SDGs. Setiap negara mempunyai tanggungjawab untuk menilai pencapaian pelaksanaan sasaran yang memerlukan pengumpulan data yang berkualiti, mudah akses dan tepat.

Selain itu, persidangan UN berkaitan Perumahan dan Pembangunan Bandar Mampan (Habitat III) telah menggunakan *New Urban Agenda* yang merupakan dokumen berorientasikan tindakan yang akan menetapkan piawaian global dalam pencapaian pembangunan bandar mampan. Matlamat utama agenda ini adalah untuk mencapai tahap bandar dan penempatan manusia yang memberi kebebasan asasi, hak dan peluang sama rata bagi semua. Ini termasuklah pengurusan bandar melalui kerjasama dengan orang awam dan pihak berkepentingan di peringkat kerajaan serta sektor swasta. Agenda ini membuka ruang dalam pengintegrasian konsep pembangunan mampan bagi meningkatkan kesamarataan, kebajikan dan kemakmuran bersama. RFN Ke-3 akan menjadi rangka spatial yang menyumbang kepada laporan pencapaian negara di peringkat global.

#### DASAR-DASAR SEKTORAL DAN PELAN-PELAN INDUK PELAKSANAAN SEDIA ADA

- |   |  |  |
|---|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar Perbandaran Negara</li> <li>• Dasar Ekonomi Baru</li> <li>• Dasar Komoditi Negara</li> <li>• Dasar Agro Makanan Negara</li> <li>• Dasar Jaminan Makanan Negara</li> <li>• Dasar Mineral Negara</li> <li>• Dasar Alam Sekitar</li> <li>• Dasar Perubahan Iklim Negara</li> <li>• Dasar Kepelbagaian Biodiversiti Negara</li> <li>• Dasar Sumber Air Negara</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar Teknologi Hijau Negara</li> <li>• Dasar Sosial Negara</li> <li>• Dasar Kebudayaan Kebangsaan</li> <li>• Dasar Sains dan Teknologi Negara</li> <li>• Dasar Warga Tua Kebangsaan</li> <li>• Dasar Orang Kurang Upaya</li> <li>• Dasar Belia Negara</li> <li>• Lain-lain dasar yang berkaitan</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara</li> <li>• Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar</li> <li>• Pelan Induk Perindustrian Negara Ke-3</li> <li>• Pelan Induk Logistik dan Fasiliti Perdagangan</li> <li>• Pelan Induk Lembangan Sungai</li> <li>• Pelan Induk Saliran Mesra Alam</li> <li>• Pelan Induk Koridor Ekologi</li> <li>• Lain-lain pelan induk yang berkaitan</li> </ul> |
|---|--|--|

#### Komitmen Global

##### SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDGs)

Agenda untuk menghasilkan pelan tindakan yang memelihara keperluan asas global. 17 matlamat SDG mengimbangi dimensi pembangunan bersepadu termasuklah menjadikan bandar dan petempatan manusia inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan.



Sumber : <http://www.un.org/sustainabledevelopment/sustainable-development-goals/>

## BENTUK DAN KANDUNGAN RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KE-3

Setelah 10 tahun pelaksanaan RFN yang melalui dua (2) kali proses kajian semula, RFN Ke-3 mengambil pendekatan tidak membentuk dasar-dasar perancangan spatial baharu. Sebaliknya, dasar-dasar sedia ada diperkemas dan diperincikan dalam bentuk hala tuju strategik dan strategi serta tindakan pelaksanaan bagi memantapkan pelaksanaan dasar-dasar sedia ada. Di samping itu, dasar-dasar sektoral dalam pelbagai aspek seperti ekonomi, alam sekitar dan sosial turut diterapkan dalam cadangan hala tuju strategik RFN Ke-3.

Penekanan hubung kait aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar sebagai komponen utama pembangunan mampan dalam satu ekosistem yang lengkap memperlihatkan fokus RFN Ke-3 kepada tiga (3) teras utama iaitu Pertumbuhan Dinamik Bandar dan Luar Bandar, Kemampanan Spatial dan Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim dan Pembangunan Komuniti Inklusif dan Berdaya Huni.

RFN Ke-3 mengandungi tujuh (7) bab iaitu:

- Bab 1** Memperkenalkan RFN secara am dari segi fungsi, matlamat, bentuk dan kandungan RFN Ke-3 serta ringkasan berkenaan status pelaksanaan RFN Ke-2
- Bab 2** Menggariskan matlamat, teras dan strategi pembangunan fizikal serta memperincikan Pelan Pengurusan Spatial Negara dan komponen-komponennya
- Bab 3** Memperinci dan menghuraikan Teras 1 iaitu teras yang berkaitan dengan ekonomi dan pertumbuhan negara
- Bab 4** Memperinci dan menghuraikan Teras 2 iaitu teras yang berkaitan dengan aspek perancangan fizikal termasuk alam sekitar, guna tanah dan infrastruktur
- Bab 5** Memperinci dan menghuraikan Teras 3 iaitu teras yang berkaitan dengan aspek komuniti inklusif
- Bab 6** Menterjemah Pelan Pengurusan Spatial Negara dalam konteks setiap negeri di Semenanjung Malaysia, negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan
- Bab 7** Memperincikan mekanisme pelaksanaan RFN Ke-3

## KAWASAN PERANCANGAN

Penyediaan dokumen RFN yang disediakan di bawah peruntukan Seksyen 6B Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dikhususkan untuk Semenanjung Malaysia sahaja. Namun begitu, RFN Ke-3 ini telah diluaskan kawasan perancangan yang meliputi Semenanjung Malaysia, negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan manakala bagi negeri Sarawak, perkara-perkara strategik yang merentas sempadan sahaja diambil kira. Selain itu,

Matlamat dan teras RFN Ke-3 diterjemah dalam bentuk spatial melalui Pelan Pengurusan Spatial Negara yang menyediakan hala tuju pertumbuhan pembangunan fizikal serta pemuliharaan sumber dan alam sekitar. Pelan Pengurusan Spatial ini seterusnya diterjemah dengan penjelasan yang lebih terperinci agar penerapan RFN Ke-3 di peringkat perancangan negeri lebih tepat dan konsisten dengan RFN Ke-3.

isu wilayah juga diberi perhatian di dalam RFN Ke-3 bagi memastikan promosi pembangunan yang lebih dinamik dan seimbang di kawasan bandar dan luar bandar, peningkatan penyediaan infrastruktur mampan dan aspek alam sekitar yang berdaya tahan dalam menghadapi cabaran negara pada masa hadapan.



### JANGKA MASA PERANCANGAN

RFN Ke-3 mempunyai dua (2) jangka masa perancangan iaitu sehingga tahun 2020 dan tahun 2040. Ini berikutan tempoh perancangan tahun 2020 yang hanya tinggal lima (5) tahun untuk dicapai pelaksanaannya. Strategi RFN Ke-3 yang digubal perlu mengambil kira dan selaras dengan *Sustainable Development Goals (SDGs)* di peringkat global. SDGs ini telah mensasarkan keperluan perancangan sehingga tahun 2030. Sehubungan dengan itu, menjadi keperluan untuk perancangan fizikal dan spatial peringkat RFN Ke-3 dipanjangkan melangkaui tahun 2020 bagi memastikan negara bersedia menghadapi cabaran masa hadapan di samping memenuhi komitmen antarabangsa.

Di peringkat negeri, kebanyakan RSN kini perlu dikaji semula kerana tempoh perancangan yang hampir tamat. Terdapat beberapa RSN yang telah dikaji semula dengan tempoh perancangan selepas tahun 2020. Sehubungan dengan itu, menjadi keperluan bagi RFN disediakan bagi tempoh melangkaui tahun 2020 agar dapat memberi perspektif dan hala tuju jangka panjang untuk diterjemahkan di peringkat negeri.

### PROSES PERUNDINGAN

Seksyen 6B(5) Akta 172 memperuntukkan tugas am Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk membantu dalam memastikan bahawa matlamat RFN tercapai. Sehubungan dengan itu, pendekatan secara rundingan dan perbincangan dengan semua agensi pelaksana, Pihak Berkuasa Negeri serta pihak-pihak berkepentingan telah dilaksanakan sepanjang proses pembentukan RFN Ke-3. Tujuan perundingan adalah bagi memastikan RFN Ke-3 dapat diterjemah dengan lebih tepat dan dijadikan sebagai dokumen bersama di mana komitmen berterusan dalam pelaksanaan dapat diperolehi. Sesi rundingan dan perbincangan yang telah dijalankan termasuklah:

1. Perbincangan kumpulan berfokus (*focus group discussion-FGD*) bagi mendapatkan maklum balas pemakai dan pelaksanaan RFN Ke-2 bersama agensi pelaksana peringkat Persekutuan;
2. FGD dan maklum balas peringkat penemuan kajian semula bagi memantapkan hasil penemuan kajian semula dengan semua agensi pelaksana dan agensi memantau yang terdiri daripada agensi Kerajaan Persekutuan;
3. FGD bagi memantapkan dan memperincikan hala tuju, strategi dan cadangan tindakan ketiga-tiga teras RFN Ke-3 bersama agensi Kerajaan Persekutuan; dan
4. Rundingan bersama Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN).

**Rajah 1.7** Sesi Rundingan dan Perbincangan FGD



### **PENGUNAAN RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KE-3**

RFN Ke-3 menetapkan rangka kerja perancangan dan pembangunan spatial bagi penterjemahan kepada tindakan perancangan yang lebih terperinci untuk pelaksanaan di pelbagai peringkat. Tindakan-tindakan penterjemahan RFN Ke-3 diambil kira melalui:

1. Peringkat Kerajaan Negeri boleh menggariskan cadangan umum bagi pembangunan dan kegunaan tanah melalui dokumen Rancangan Struktur Negeri / Pelan Struktur Negeri. Penyediaan Rancangan Struktur Negeri / Pelan Struktur Negeri ini menjadi instrumen yang memandu pembangunan spatial bagi menangani isu-isu utama negeri;
2. Peringkat Kerajaan Persekutuan bagi penentuan strategi pelaksanaan oleh agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan cadangan-cadangan projek dan program; dan
3. Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang berkaitan perlu menjadikan RFN Ke-3 sebagai panduan dalam permohonan projek di mana keutamaan peruntukan kewangan perlu diberikan kepada projek-projek yang selaras dengan RFN Ke-3.

Bagi pelaksanaan RFN Ke-3 di negeri Sabah, Perkara 95E Perlembagaan Persekutuan diambil kira iaitu negeri Sabah dan Sarawak tidak termasuk dalam rancangan negara bagi penggunaan tanah, kerajaan tempatan, pembangunan dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, adalah wajar jika Pelan Struktur Sabah 2033 diperkukuhkan dengan mengambil kira RFN Ke-3 sebagai panduan bagi rangka kerja strategik perancangan dan pembangunan spatial di peringkat negeri. Pelaksanaan RFN Ke-3 yang selari dengan hala tuju strategik di peringkat negara serta global tidak menjejaskan pemakaian Ordinan Perancang Bandar dan Desa (Sabah CAP.141) atau mana-mana perundangan sedia ada di negeri Sabah.